



INTERNATIONAL JOURNAL OF
HALAL ECOSYSTEM AND
MANAGEMENT PRACTICES
(IJHEMP)
www.ijhemp.com



**SKOR PENILAIAN SUMATIF DALAM KURSUS PEMAKANAN
HALAL: ANALISIS KOMPARATIF LAPORAN BERTULIS DAN
UJIAN BERTULIS**

*SUMMATIVE EVALUATION SCORE IN HALAL NUTRITION COURSE:
COMPARATIVE ANALYSIS OF WRITTEN REPORT AND WRITTEN TEST*

Mohd Amzari Tumiran¹, Mohd Zaid Daud², Nur Farhani Zarmani^{3*}

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Email: amzari92@uitm.edu.my

² Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Email: mohdzaid@uitm.edu.my

³ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Email: nurfarhani@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.04.2021

Revised date: 21.06.2021

Accepted date: 26.07.2021

Published date: 15.09.2021

To cite this document:

Tumiran, M. A., Daud, M. Z., & Zarmani, N. F. (2021). Skor Penilaian Sumatif Dalam Kursus Pemakanan Halal: Analisis Komparatif Laporan Bertulis Dan Ujian Bertulis. *International Journal of Halal Ecosystem and Management Practices*, 1 (1), 20-26.

DOI: 10.35631/IJHEMP.11003.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Penilaian sumatif ialah jenis penilaian yang lazim digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sesebuah kursus akademik. Namun begitu, kepelbagaian kaedah penilaian sumatif lazim memperlihatkan tahap pencapaian yang berbeza. Objektif kajian ini adalah untuk membandingkan skor pencapaian akademik yang melibatkan penilaian sumatif dalam kursus pemakanan halal di peringkat diploma ($n=65$) di Universiti Teknologi MARA. Perbandingan statistik dibuat menggunakan analisis Ujian-t menerusi perisian IBM SPSS Statistics. Keputusan analisis memperlihatkan perbezaan signifikan dicatatkan pada skor Laporan Bertulis ($M = 24.02$, $SD = 2.32$) berbanding Ujian Bertulis ($M = 23.22$, $SD = 2.53$) dengan; $t(64) = 1.999$, $p = 0.05$. Kesimpulannya, kajian ini mencadangkan pencapaian Laporan Bertulis yang lebih tinggi berbanding Ujian Bertulis adalah disebabkan sokongan ICT sebagai kemudahan pembelajaran dalam talian.

Kata Kunci:

Kursus Pemakanan Halal; Penilaian Sumatif; Laporan Bertulis; Ujian Bertulis

Abstract:

Summative assessment is a type of assessment that is commonly used in the teaching and learning process of an academic course. Nevertheless, the variety of summative assessment methods prevalently exhibits different levels of achievement. The objective of this study was to compare academic achievement scores involving summative assessment in halal nutrition courses. The study involved final year students of a halal nutrition course at the diploma level ($n = 65$) at Universiti Teknologi MARA. Statistical comparisons through t-test was made using IBM SPSS Statistics software. The results of the analysis showed significant differences in the Written Report ($M = 24.02$, $SD = 2.32$) compared to the Written Test ($M = 23.22$, $SD = 2.53$) with; $t(64) = 1.999$, $p = 0.05$. In conclusion, this study suggests that the achievement of the Written Report is higher than the Written Test is due to the support of ICT as an online learning facility.

Keywords:

Halal Nutrition Course; Summative Assessment; Written Report; Written Test

Pengenalan

Penilaian sumatif ialah jenis penilaian yang lazim digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sesebuah kursus akademik. Namun begitu, kepelbagaian kaedah penilaian sumatif lazim memperlihatkan tahap pencapaian yang berbeza. Penggunaan suatu kaedah penilaian sangat penting dalam meningkatkan prestasi akademik. Secara umum, terdapat dua kaedah penilaian akademik utama digunakan, iaitu penilaian sumatif dan penilaian formatif (Lambert & Lines, 2013; Dixson & Worrell, 2016). Kedua-dua kaedah ini saling berkorelasi dalam menilai sesebuah pencapaian akademik (Dolin et al., 2018). Penilaian sumatif lazimnya menggunakan beberapa parameter keberkesanan kepada draf akhir untuk mengukur hasil pembelajaran (Oermann et al., 2016; Kibble, 2017). Manakala penilaian formatif dijalankan semasa proses pengembangan bahan untuk memberi maklumat penambahbaikan dengan cara mengulas draf awal (Shepard, 2017; Dolin et al., 2018). Penilaian sumatif bertujuan untuk memberikan maklumat pencapaian hasil pembelajaran dalam tempoh waktu tertentu. Manakala tujuan utama penilaian formatif pula dilihat sebagai membantu proses pembelajaran (Black, 2016). Antara jenis penilaian sumatif yang lazim digunakan ialah: (a) laporan bertulis; dan (b) ujian bertulis.

Penulisan laporan adalah kaedah penilaian yang penting di peringkat universiti dalam pelbagai kursus akademik (Issa & Issa, 2019; Nimehchisalem et al., 2018). Maklum balas itu adalah aspek utama dalam proses penilaian dari segi peningkatan prestasi dan pencapaian pelajar (Kuiken & Vedder, 2020). Penilaian penulisan laporan lazim menggunakan parameter tertentu, iaitu (Hering, 2019): (a) kejelasan pernyataan analitikal dan teknikal (fakta, statistik, hipotesis); (b) kejelasan tentang teori baru dan teori lampau; dan (c) kejelasan tentang ulasan kepada topik yang diperbincangkan. Berdasarkan parameter-parameter tersebut, perbandingan skor pencapaian akademik yang melibatkan penilaian sumatif dalam kursus pemakanan halal difokuskan dalam kajian ini.

Komponen dan Struktur Penilaian Sumatif

Penilaian sumatif seperti laporan bertulis dan ujian bertulis mempunyai komponen dan struktur yang berbeza. Laporan bertulis menghendaki pelajar membina sebuah penulisan pengkajian berdasarkan topik kajian yang tertentu. Penentuan topik pengkajian lazimnya dikemukakan

sendiri oleh pelajar setelah melakukan pra-pengkajian. Namun, terdapat juga kelaziman topik pengkajian ditentukan oleh pensyarah atau guru kepada pelajar. Komponen laporan bertulis lazimnya mengadaptasi komponen berikut (Brennan, 2008):

- (a) Objektif kajian dan kepentingannya. Komponen ini melibatkan keupayaan pelajar dalam mengenal pasti objektif kajian yang mempunyai ciri-ciri khusus. Objektif kajian tersebut perlulah bersifat spesifik, datanya boleh diurus, dapat dicapai, kajian yang realistik dan relevan.
- (b) Kajian literatur. Komponen ini menghendaki pelajar membuat ringkasan kajian-kajian lampau yang telah dipilih. Kemudian, pelajar dikehendaki untuk mengkaji dan mengulas kajian-kajian lampau dalam topik yang dibincangkan.
- (c) Analisis data dan perbincangan. Bahagian analisis data menghendaki pelajar untuk menggunakan pendekatan sama ada kuantitatif atau kualitatif. Keputusan analisis seterusnya menghendaki pelajar untuk membincangkan dengan membandingkannya dengan hasil kajian-kajian lampau.
- (d) Kesimpulan. Komponen ini menghendaki pelajar untuk membuat rumusan kepada analisis dan perbincangan yang telah dijalankan. Selain itu, ia juga perlu dimuatkan dengan cadangan-cadangan untuk kajian-kajian yang akan datang dalam topik yang sama.

Ujian bertulis pula memerlukan persediaan rapi di pihak pembuat soalan sebelum diserahkan kepada pelajar untuk menjawabnya dalam peruntukan masa tertentu. Persediaan dalam pembinaan soalan ini lazimnya bergantung kepada kesediaan kos, masa dan tenaga kerja sedia ada. Selain itu, sesi semakan soalan yang telah siap dibina juga lazim dijalankan bersama rakan bersepakaran untuk mengesahkan kebolehpercayaan soalan. Schuwirth dan van der Vleuten (2003) mengulas beberapa kaedah soalan dalam ujian bertulis:

- (a) Soalan pilihan “betul atau salah”. Kelebihan utama soalan jenis ini adalah sifatnya yang ringkas dan padat. Soalan juga dapat dijawab dalam masa yang singkat dan pembinaannya dapat mencakupi hampir seluruh silibus. Walau bagaimanapun, soalan seperti ini mempunyai kelemahan tertentu. Pertama, soalannya agak sukar untuk dibina dengan sempurna. Pernyataan yang dikemukakan dalam soalan tersebut perlulah sama ada benar atau palsu secara mutlak. Kedua, jika pelajar menjawab “salah” pada soalan dengan betul, dapat disimpulkan bahawa pelajar hanya mengetahui yang pernyataan itu salah. Jawapan pelajar tersebut tidak bermaksud telah mereka ketahui pernyataan yang betul.
- (b) Soalan aneka pilihan. Soalan aneka pilihan adalah antara soalan paling lazim dalam ujian bertulis. Kelebihan utama jenis soalan ini adalah mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi untuk setiap kali ujian, apabila pelajar hanya diperuntukkan masa yang singkat untuk menjawab. Selain itu, soalan jenis ini lazimnya lebih mudah dibina berbanding soalan “betul atau salah”. Soalan aneka pilihan ini juga dapat menguji lebih banyak fakta dengan mudah. Namun, soalan jenis ini sering digunakan untuk menguji tahap pengetahuan sesuatu fakta sahaja.

- (c) Soalan aneka pilihan berganda “betul atau salah”. Soalan-soalan ini membolehkan pilihan jawapan yang dikemukakan mempunyai lebih daripada satu pilihan jawapan yang betul. Soalan jenis ini memerlukan masa lebih lama untuk menjawab berbanding soalan aneka pilihan dan soalan pilihan betul salah. Namun begitu, kebolehpercayaan soalan masih tinggi. Pembinaan soalan ini tidak mudah apabila bilangan pilihan yang betul dan salah perlu seimbang. Di samping itu, pilihan yang betul dan salah pula perlu dilihat sebanding dan setara. Kelemahan lain adalah prosedur pemarkahan yang agak rumit untuk soalan jenis ini.
- (d) Soalan terbuka untuk jawapan ringkas. Soalan jenis ini lebih terbuka dan fleksibel. Soalan jenis ini dapat menguji masalah yang ditentukan, misalnya, kreativiti dan spontaniti. Namun, soalan jenis ini mempunyai kebolehpercayaan yang lebih rendah. Menjawab soalan yang terbuka walaupun ringkas lazimnya memakan masa yang lama kerana soalan jenis ini lebih sukar untuk dijawab dan mendapat markah. Soalan terbuka yang baik harus mengandungi kunci jawapan terperinci bagi untuk proses pemarkahan. Soalan terbuka ini tidak sesuai untuk menilai pengetahuan fakta, berbanding soalan yang mempunyai pilihan jawapan.
- (e) Soalan terbuka untuk jawapan esei. Soalan jenis ini menghendaki jawapan dalam bentuk esei. Lazimnya ia digunakan untuk menilai tahap kemampuan menulis dan kemampuan memproses maklumat. Aspek yang terlibat ialah keupayaan dalam membuat kesimpulan, hipotesis, mencari hubungan, dan mengaplikasi sesuatu kaedah atau teori. Namun begitu, tahap kebolehpercayaannya agak terhad disebabkan peruntukan masa yang panjang diperlukan untuk menjawab soalan jenis ini. Pembinaan soalan, skema jawapan dan proses pemarkahan bagi kaedah ini lazimnya melibatkan kos yang tinggi. Jadi, soalan jenis ini lazimnya hanya digunakan apabila jenis soalan yang lain dianggap tidak sesuai.

Metodologi

Kajian melibatkan pelajar tahun akhir kursus pemakanan halal di peringkat diploma ($n=65$) di Universiti Teknologi MARA. Perbandingan statistik dibuat menggunakan perisian IBM SPSS Statistics. Komponen Laporan Bertulis mengadaptasi komponen Brennan (2008) melibatkan: (a) Objektif penyelidikan dan kepentingannya; (b) Kajian literatur; (c) Analisis data dan perbincangan; dan (d) Kesimpulan. Manakala komponen Ujian Bertulis mengadaptasi kaedah Schuwirth & van der Vleuten (2003): (a) Soalan Pilihan “Betul atau Salah”; (b) Soalan Aneka Pilihan; (c) Jawapan Ringkas untuk Soalan Terbuka; dan (d) Esei ringkas. Akses kedua-dua kaedah penilaian ini diberikan kepada pelajar secara dalam talian.

Keputusan dan Perbincangan

Keputusan analisis (Jadual 1) mencatatkan perbezaan signifikan pada skor bagi laporan bertulis ($M = 24.02$, $SD = 2.32$) berbanding skor bagi ujian bertulis ($M = 23.22$, $SD = 2.53$) dengan; $t(64) = 1.999$, $p = 0.05$.

Jadual 1: Keputusan Analisis Perbandingan Laporan Bertulis dan Ujian Bertulis ($n=65$): (a) Statistik Deskriptif; dan (b) Ujian- t Sampel Bersandar

	Purata (M)	SD	SEM
(a) Laporan Bertulis	24.02	2.317	0.287
Ujian Bertulis	23.22	2.525	0.313
(b)	Perbezaan Sampel Bersandar	t	df Sig. (2-hujung)

	Purata (M)	SD	SEM	95% Perbezaan Nilai CI		64	0.050
				Rendah	Tinggi		
Laporan Bertulis- Ujian Bertulis	0.808	3.257	0.404	0.001	1.615	1.999	0.050

*CI: *Confidence Interval* (aras keyakinan), M: *Mean* (purata), SEM: *Std. Error Mean* (ralat piawai), SD: *Std. Deviation* (sisihan piawai), df: *Degree of Freedom* (darjah kebebasan), Sig.: *Significant Level* (tahap signifikan)

Analisis statistik menunjukkan bahawa laporan bertulis mencatatkan skor lebih tinggi berbanding ujian bertulis. Keputusan ini mungkin disebabkan peruntukan masa yang lebih panjang menyempurnakan laporan bertulis berbanding ujian bertulis. Keadaan ini memberi ruang dan peluang yang lebih luas kepada pelajar untuk mendapatkan data yang diperlukan secara terperinci, menjalankan analisis data dan perbincangan dengan lebih teliti. Berbeza dengan laporan bertulis, ujian bertulis lazimnya memperuntukkan masa yang lebih singkat. Peruntukan masa yang singkat ini mungkin tidak memberi ruang yang luas kepada pelajar untuk menjawab dengan teliti. Namun begitu, peruntukan masa tersebut dianggap wajar kerana pelajar sepatutnya telah dapat mengulang kaji silibus pembelajaran sebelum menjawab soalan ujian bertulis walaupun ia dijalankan secara “ujian buka buku” (*open-book test*).

Sokongan kemudahan pembelajaran dalam talian juga mungkin menjadi faktor kepada pencapaian laporan bertulis yang lebih baik berbanding ujian bertulis. Peruntukan masa yang lebih panjang memberikan pelajar lebih masa untuk mendapatkan sokongan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang lebih baik berbanding ujian bertulis (Schneider et al., 2018). Ujian bertulis, walaupun dijalankan secara ujian buka buku, namun bergantung kepada keupayaan dan kelancaran akses internet yang digunakan. Lazimnya akses internet tidak memuaskan jika cuaca hujan atau lokasi pedalaman. Keadaan ini mungkin menyumbang kepada pencapaian yang lebih rendah dalam ujian bertulis.

Berdasarkan perbincangan ini, aspek sokongan kemudahan pembelajaran dalam talian dianggap menjadi faktor kepada pencapaian pelajar berbanding aspek peruntukan masa dalam menyempurnakan tugas. Masa yang diperuntukkan, walaupun berbeza, namun ia berlawanan dengan tahap kognitif, tahap kerumitan dan kadar panjang teks jawapan yang dikehendaki. Aspek kebolehcapaian ICT ini dianggap selaras dengan kaedah pembelajaran secara dalam talian. Teknologi berasaskan internet secara langsung telah menyokong proses penyebaran maklumat secara maya (Katabalwa, 2016; Haldorai et al., 2021). Keadaan ini memberi kelebihan apabila kaedah pembelajaran dalam talian digunakan. Keupayaan terkini peranti juga merupakan komponen penting dalam proses perkembangan intelektual selaras perkembangan ICT (Guzmán-Simón, et al. 2017). Selain masyarakat awam (Amiri & Woodside, 2017; Bradley, 2017; Ziembra, 2019), golongan pelajar juga menerima impak perkembangan ICT dalam meningkatkan kesedaran maklumat (Comi et al., 2017; Lee et al., 2017). Selaras dengan itu, kemahiran literasi pelajar dapat ditingkatkan kepada bentuk hubungan sosial moden (Siddiq et al., 2017).

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan, aspek yang dikenal pasti dalam mempengaruhi pencapaian laporan bertulis dan ujian bertulis secara dalam talian ini ialah: (a) peruntukan masa menyempurnakan tugas; dan (b) sokongan kemudahan pembelajaran dalam talian. Kesimpulannya, kajian ini mencadangkan pencapaian Laporan Bertulis yang lebih tinggi berbanding Ujian Bertulis adalah disebabkan sokongan ICT sebagai kemudahan pembelajaran dalam talian. Kaedah

pembelajaran dan penilaian pembelajaran dalam talian didapati mengutamakan kebolehcapaian kepada kemudahan ICT dalam meningkatkan prestasi akademik. Untuk penyelidikan masa depan, dicadangkan agar kajian diperluaskan dengan menyentuh penilaian formatif. Populasi merentas bidang juga dicadangkan supaya tahap pencapaian dan keberkesanan metode yang digunakan dapat dipelbagaikan.

Konflik Kepentingan

Penulis tidak mempunyai sebarang kepentingan terhadap mana-mana produk yang dinyatakan dalam makalah ini.

Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Geran Penyelidikan Dalaman 2020 (Ref. No.: RS12021GRN78RN008), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Shah Alam atas pembiayaan penyelidikan.

Rujukan

- Amiri, S., & Woodside, J. M. (2017). *Emerging markets: the impact of ICT on the economy and society*. Digital Policy, Regulation and Governance.
- Black, P. (2016). The role of assessment in pedagogy –and why validity matters. In D. Wyse, L. Hayward & J. Pandya (Eds.), *The Sage handbook of curriculum, pedagogy and assessment* (pp. 725-739). Sage.
- Brennan, D. J. (2008). University student anonymity in the summative assessment of written work. *Higher Education Research & Development*, 27(1), 43–54.
- Bradley, G. (2017). *The good ICT society: From theory to actions*. Routle
- Comi, S. L., Argentin, G., Gui, M., Origo, F., & Pagani, L. (2017). Is it the way they use it? Teachers, ICT and student achievement. *Economics of Education Review*, 56, 24-39.
- Dixson, D. D., & Worrell, F. C. (2016). Formative and summative assessment in the classroom. *Theory into Practice*, 55(2), 153-159.
- Dolin, J., Black, P., Harlen, W. & Tiberghien, A. (2018). Exploring relations between formative and summative assessment. In J. Dolin & R. Evans (Eds.). *Transforming assessment. Through an interplay between practice, research and policy* (pp. 53-80). Springer International Publishing.
- Guzmán-Simón, F., García-Jiménez, E., & López-Cobo, I. (2017). Undergraduate students' perspectives on digital competence and academic literacy in a Spanish University. *Computers in Human Behavior*, 74, 196-204.
- Haldorai, A., Murugan, S., & Ramu, A. (2021). Evolution, challenges, and application of intelligent ICT education: An overview. *Computer Applications in Engineering Education*, 29(3), 562-571.
- Hering, H. (2019). *How to write technical reports: Understandable structure, good design, convincing presentation* (2nd ed.). Springer.
- Issa, T., & Issa, T. (2019). Report Writing Assessment for Postgraduate Students: Lecturer's Perspective. In *Universities in the Networked Society* (pp. 89-101). Springer, Cham.
- Katabalwa, A. S. (2016). Use of electronic journal resources by postgraduate students at the University of Dar es Salaam. *Library Review*, 65(6/7), 445-460.
- Kibble, J. D. (2017). Best practices in summative assessment. *Advances in Physiology Education*, 41, 110-119.
- Kuiken, F., & Vedder, I. (2020). The interplay between academic writing abilities of Dutch undergraduate students, a remedial writing programme, and academic achievement.

International Journal of Bilingual Education and Bilingualism, 1-12.
<https://doi.org/10.1080/13670050.2020.1726280>

- Lee, H., Longhurst, M., & Campbell, T. (2017). Teacher learning in technology professional development and its impact on student achievement in science. *International Journal of Science Education*, 39(10), 1282-1303.
- Lundström, M., Åström, M., Stolpe, K., & Björklund, L. (2016). Assessing student theses: Differences and similarities between examiners from different academic disciplines. *Practitioner Research in Higher Education*, 10(1), 217-226.
- Nimehchisalem, V., Kalajahi, S. A. R., Hussin, N. I. S. B. M., Galea, S. R., Abdullah, A. N., Rashid, S. B. M., & Fung, Y. M. (2018). Developing a self-assessment guide for undergraduates' report writing. *Opción: Revista de Ciencias Humanas y Sociales*, 14, 594-634.
- Oermann, M. H., Kardong-Edgren, S., & Rizzolo, M. A. (2016). Summative simulated-based assessment in nursing programs. *Journal of Nursing Education*, 55(6), 323-328.
- Siddiq, F., Gochyyev, P., & Wilson, M. (2017). Learning in Digital Networks—ICT literacy: A novel assessment of students' 21st century skills. *Computers & Education*, 109, 11-37.
- Schneider, W. J., Lichtenberger, E. O., Mather, N., & Kaufman, N. L. (2018). *Essentials of assessment report writing*. John Wiley & Sons.
- Schuwirth, L. W., & van der Vleuten, C. P. (2003). Written assessment. *BMJ*, 326(7390), 643-645.
- Shepard, L. A. (2017). Formative assessment: Caveat emptor. In *The future of assessment* (pp. 279-303). Routledge.
- Ziemba, E. (2019). The contribution of ICT adoption to the sustainable information society. *Journal of Computer Information Systems*, 59(2), 116-126.